



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 14 RABU 14 JULAI, 1965 1385 ربيع الاول 15 PERCHUMA

SAMBUATAN MAULUD DI-NEGERI BRUNEI:

LEBEH DARI 5,000 ORANG BERARAK

BANDAR BRUNEI. — Lebih dari 5,000 orang umat Islam di-seluruh negeri ini telah keluar untuk merayakan hari Maulud Nabi Mohammad s.a.w. yang berlangsung pada hari Ahad yang lalu.

Sambutan yang paling meriah sa-kali pada tahun ini ia-lah di-Daerah Brunei dan begitu juga keadaan-nya di-Daerah Belait/Seria.

Di-Bandar Brunei, sa-banyak 63 pasokan yang terdiri dari kanak2 sekolah dan orang2 dewasa telah mengambil bahagian dalam perarakan yang mengelilingi Pekan Brunei dengan di-dahului oleh Jawatan Kuasa Sambutan Maulud, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pancharagam-nya.

Sa-lepas perarakan itu tamat di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin, sharahan2 pun telah di-lafadzkan oleh pensharah2 terkemuka dari Pejabat Hal-Ehwal Ugama Brunei dan lain2-nya.

Di-sa-panjang perarakan itu, peserta2 telah mengusong sepandok2 yang memuji2 kebesaran Nabi Mohammad s.a.w. sambil melaungkan selawat2 yang kebanyakan-nya di-terjemahkan mereka dalam bahasa Melayu.

Di-Daerah Belait pula, perarakan telah di-adakan di-kawasan Pekan Seria dengan 26 buah pasokan telah mengambil bahagian yang di-taksirkan berjumlah lebih dari sa-ribu orang.

Perarakan tersebut telah di-dahului oleh Pegawai Daerah Belait. Pengiran Momin dan ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan Maulud.

Di-Daerah tersebut pada tahun ini, ramai bilangan-nya kaum ibu telah bersama2 berarak dan ada di-antara mereka telah meningkat ka-usia kira2 40 - 50 tahun.

Di-Daerah Temburong sambutan Maulud Nabi akan di-adakan pada (Lihat Muka 8)



Timbalan Menteri Besar Brunei, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali (bilangan kedua dari kanan dalam gambar ini) telah melawat ka-Kampung Balaban Baru di-Daerah Temburong pada pagi hari Sabtu yang lalu untuk menyaksikan pekerja2 sukarela dari Askar Melayu Diraja Brunei memperbaiki rumah2 yang telah buruk keadaan-nya di-kampung itu. Gambar ini di-ambil pada masa lawatan tersebut.

Berita Terakhir:

D. Y. M. M. DAN PUTERA2 Selamat Kembali Ka-Brunei

BERAKAS — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah selamat berangkat kembali ka-Tanah Ayer dengan kapal terbang pada petang kelemarin, hari Selasa 13 Julai sa-lepas keberangkatan Baginda ka-England, Eropah dan Amerika Sharikat. Turut berangkat kembali ka-Brunei bersama2 Baginda ia-lah Putera Baginda, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah, Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan rombongan Baginda.



Gambar ini di-ambil pada masa di-adakan perarakan Maulud di-Bandar Brunei pada petang hari Ahad yang lalu.

SAMBUTAN PERKAHWINAN DIRAJA BAHAGIAN BANDAR BRUNEI:

Persembahan Perarakan Kereta Berhias Dan Tanglong Berjalan Kaki

BANDAR BRUNEI. — Untuk menyambut perayaan Hari Perkahwinan Diraja, Jawatan Kuasa Persembahan Perarakan Kereta Berhias dan Tanglong Berjalan Kaki dengan sukachita menjemput Pejabat2 Kerajaan/Angkatan2 Bersenjata/Kesatuan2 Perniagaan/Sharikat2 Berhad/Maktab2/Sekolah2 Menengah/Sekolah2 Rendah/Pertubuhan2 Belia/Kampung2 menyertai dalam persembahan tersebut di-atas.

Sharat2 Perarakan Kereta Berhias:—

- (i) Tinggi tiap2 kereta berhias tidak lebeh dari 11 kaki.
- (ii) Lebar tiap2 kereta berhias tidak lebeh dari 10 kaki.
- (iii) Panjang kereta berhias tidak di-hadkan.
- (iv) Kereta berhias mesti-lah di-hias dengan aneka chorak dan bentuk.
- (v) Waktu malam kereta2 berhias mesti-lah di-nyalakan dengan lampu (chuchol/elektrik).
- (vi) Perarakan kereta berhias terbahagi kepada dua bahagian

—bahagian siang dan bahagian malam. Tiap2 peserta di-kehendaki memilih bahagian2 di-ingini; bahagian malam atau siang, atau kedua-dua bahagian sekali.

Sharat2 Perarakan Tanglong Berjalan kaki:—

- (i) Banyak peserta dalam satu pasukan tidak lebeh dari 50 orang.
- (ii) Kalau membawa kepala perarakan tinggi-nya tidak lebeh dari 10 kaki.
- (iii) Chuchol di-bawa bebas.
- (iv) Waktu berjalan mesti-lah dalam tiga barisan.

Segala borang permohonan hendak-lah di-hantar kepada Pengerusi Perarakan Kereta Berhias dan Tanglong Berjalan kaki, d/a J.K.R. (Workshop), Brunei, tidak lewat dari 15 Julai, 1965, jam 4-00 petang.

Segala keterangan2 lanjut boleh di-dapati daripada:—

Pengerusi Ahmad b. Bakir, d/a J.K.R. (Workshop), Brunei.

atau

T/Setiausaha Abd. Latif b. Haji Ibrahim, d/a Pejabat Tanah, Brunei.

Perarakan persembahan ini akan di-adakan selewat2-nya pada 29 Julai, 1965. Ketetapan tarikh mu'tamat akan di-umumkan kemudian.

Perarakan2 ini merupakan persembahan2 sukarela saja demi menyerikan Hari Perkahwinan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah dengan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Saleha bt. Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Jawatan Kuasa Perarakan persembahan ini yang mendukung chita2 murni Jawatan Kuasa Tinggi yang di-pengerusikan sendiri oleh Yang Mulia Pegawai Daerah Brunei/Muara berharap sunggo2 agar orang ramai dapat ikut serta dalam temasha Perkahwinan Diraja yang bersejarah ini.

PINTU GERBANG

BANDAR BRUNEI — Jawatan Kuasa, Sambutan Perayaan Perkahwinan Di-Raja di-Bandar Brunei akan mengadakan sambutan sa-chara besar2an dengan beberapa jenis2 achara sambutan di-Bandar Brunei.

Di-bawah ini ia-lah sa-bahagian daripada jenis achara sambutan yang akan di-adakan itu:

Mengadakan persembahan Pintu Gerbang terbuka kepada Antara Kaum, Jabatan2, Sharikat2 Perniagaan, Persatuan2, Kampung2 dan lain2.

Mengadakan perarakan Kereta Berhias siang dan malam dan perarakan Tanglong Berjalan Kaki terbuka kepada Antara Kaum, Jabatan2, Sharikat2 Perniagaan, Persatuan2, Sekolah2, Maktab2, Kampung2 dan lain2.

MELAWAT MALAYA

BERAKAS — Dua rombongan penuntut2 Tahun III, Maktab Perguruan Melayu Brunei akan melawat ka-Malaya sa-lepas mereka di-tugaskan berlateh mengajar di-beberapa buah Sekolah2 Melayu di-negeri ini.

Rombongan pertama akan melawat ka-kawasan2 di-sabalah Pantai Barat Malaya mulai pada 30 Ogos, manakala rombongan kedua pula akan melawat ka-kawasan2 di-sabalah Pantai Timor Malaya mulai pada 13 September. Demikian menurut kenyataan Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Chegu Othman bin Bidin.

LATEHAN MENGAJAR

BERAKAS — Seramai 123 orang penuntut2 Tahun III, Maktab Perguruan Melayu Brunei telah berlateh mengajar di-beberapa buah Sekolah2 Melayu di-negeri ini mulai pada 26 Jun.

Latehan mengajar itu akan diteruskan hingga ka-26 Ogos akan datang.

PENOLONG MENTERI PELAJARAN MENYERU PELAJAR2 SUPAYA BELAJAR TERUS MENERUS

SERIA. — Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerna Dewa Awang Lukan bin Uking telah menyeru seluruh pelajar2 dalam negeri ini supaya belajar terus-menerus dan tidak mengenal patah di-tengah jalan, tetapi sa-hingga menchapai sijil2 yang tertentu.

Kata-nya, ilmu pengetahuan ada-lah mengambil peranan yang penting bagi kemajuan sa-buah negara itu di-samping menanam semangat bersafahaman bagi semua lapisan ra'ayat.

Seruan itu telah di-buat beliau ketika merasmikan pembukaan Kelas2 Dewasa Pelajaran Menengah dan Urusan Ruman Tangga bagi Daerah Belait yang telah di-langsungkan di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria baharu2 ini.

Mengenai jumlah pelajar2 dewasa yang telah meningkat lebeh dari 4,000 orang di-seluruh negeri pada masa ini, Awang Lukan mensifatkan-nya sa-bagai satu kemajuan yang besar faedah-nya terhadap bangsa dan negara.

Ini, kata-nya, ra'ayat di-negeri ini telah menyedari betapa penting-nya tanggong-jawab mereka untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan untuk mendapatkan-nya pula tidak-lah terbatas kepada tingkatan umur.

Awang Lukan menegaskan, Kerajaan ada-lah bersedia memberikan kemudahan2 untuk menchapai sa-suatu ilmu pengetahuan di-kalangan ra'ayat dengan mengikut saloran2 yang tertentu.

Sementara itu, Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Awang Noordin bin Abd. Latif dalam

uchapan-nya telah menyatakan bahawa tugas Jabatan pelajaran Negara yang terpenting pada masa ini ia-lah menyesuaikan dasar sukatan pelajaran serta mata pelajaran di-dalam bahasa Melayu di-negeri ini.

Dalam perkara ini, kata-nya bahagian pelajaran dewasa telah menjadi pelupor yang ulong untuk melaksanakan chita2 dan dasar kerajaan yang besar itu.

Di-samping itu, Awang Nordin telah juga menasehatkan kepada pelajar2 dewasa itu supaya tidak menyimpan perasaan jemu dan kapada guru2 pula pesanan telah di-berikan beliau kepada mereka supaya tidak timbul perasaan bosan apabila sa-orang penuntut itu lambat menerima pelajaran yang di-ajarkan.

Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Omar bin Mohammad telah menyatakan dengan panjang lebar mengenai gerakan Kelas2 Dewasa dan ikhtiar yang telah, sedang dan akan di-jalankan.

Kata-nya, pada tahun 1959 kelas2 dewasa hanya-lah di-jalankan sa-bagai satu langkah pertama yang bertujuan bagi menghapuskan buta huruf di-kalangan ra'ayat dalam negeri ini.

"Untuk memperluaskan rancangan kelas2 dewasa itu, kelas2 Bahasa Melayu bagi orang2 Bukan Melayu telah juga di-

adakan di-samping kelas2 khas bagi penuntut2 Trengkas dan Menaip".

Awang Omar menjelaskan lagi bahawa dalam tahun 1965 perubahan besar telah di-perolehi apabila kelas dewasa memberentas buta huruf itu telah di-ubah nama-nya kepada Kelas Dewasa Pelajaran Rendah.

Dalam kelas ini, kata-nya, pelajar2 akan belajar sa-lama tiga tahun ia-itu mengikut peringkat2 permulaan, menengah dan tertinggi yang mata2 pelajaran-nya mengandongi Bahasa Melayu, Ilmu Kira2 dan lain2 mata pelajaran lagi.

Mengenai Kelas Dewasa Pelajaran Menengah, Awang Omar menegaskan bahawa kelas tersebut akan memberi peluang sa-luas2-nya kepada pelajar2 yang mengikuti untuk membolehkan mereka memasoki peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (L.C.E.) dalam tahun 1966 dan juga membolehkan mereka bagi memasoki mana2 peperiksaan yang lebeh tinggi dari Sijil Pelajaran Rendah itu.

Edaran Wang Kertas Tembaga Dan Perak

CHABUTAN yang di-keluarkan oleh Pesuruhjaya Mata Wang di-atas edaran wang kertas, wang tembaga dan wang perak, pada 1 Mei, 1965, untuk di-siarkan bagi pengetahuan umum:—

1. Jumlah penoh wang kertas dalam edaran pada 1 Mei, 1965 ... \$1,321,172,994.67
2. Jumlah penoh wang perak dan wang tembaga dalam edaran pada 1 Mei, 1965 ... \$ 72,705,405.73
3. Jumlah rata wang kertas dalam edaran sepanjang bulan April, 1965 ... \$1,320,992,862.65
4. Jumlah rata wang perak dan wang tembaga dalam edaran sepanjang bulan April, 1965 ... \$ 72,742,614.06

Sharikat Minyak Shell Menghadihkan Alat2 Pembesar Suara Kapada Masjid Kampong Tanah Jambu:

PEJABAT UGAMA MENGUCHAPKAN TERIMA KASEH



Abang Razali

KAMPONG TANAH JAMBU. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei mengucapkan sa-tinggi2 terima kaseh kapada Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad atas kesudian menghadihkan alat2 pembesar suara kapada Masjid Kampong Tanah Jambu, Muara.

Uchapan terima kaseh itu telah di-sampaikan bagi pehak Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei oleh Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin, ketika beliau beruchap di-majlis menyampaikan alat2 pembesar suara itu di-Masjid tersebut pada pagi hari Juma'at 9 Julai, 1965.

Alat2 pembesar suara itu telah di-sampaikan oleh Pegawai Pelajaran Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang G. F. Daniels, bagi pehak Sharikat Minyak Shell kapada Masjid itu.

Di-antara para hadhirin di-majlis itu ia-lah Pegawai Penda'awa Raya Mahkamah Sharaiah Brunei, Awang Haji Md. Tarip P. S. W. Haji Mohamed; Penolong Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Awang Chua Kwong Heng dan lain2-nya.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin; Awang G. F. Daniels, selaku wakil dari Sharikat Minyak Shell; Ketua Kampong Tanah Jambu, Awang Taim bin Garip; Pengerusi Majlis, Awang Noordin bin Dato Panglima Taha; Setia Usaha Majlis, Awangku Mohamed bin Pengiran Salleh dan oleh Juruachara Majlis, Awang Haji Abdul Malik.

Majlis itu di-mulai dengan bacaan Al-Kura'an oleh Awang Basir bin Rahman dan di-tamatkan dengan bacaan Do'a Selamat oleh Imam Masjid Kampong Tanah Jambu, Awang Bakir bin Garip.

Dalam ucapan beliau, Abang Razali berkata, "Bagi pehak diri saya sendiri dan sebagai mewakili Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, saya turut merasa bangga dan besar hati kerana melihat ramai-nya para hadhirin yang turut meramaikan majlis ini.

PERPADUAN

"Daripada keramaian Tuan2 dan para hadhirin sekalian, dapat-lah saya membuat kesimpulan bahawa dengan ada-nya perpaduan dan kerjasama serta gotong royong antara Tuan2

yang sesama sa-kampung dan jiran2 yang berdekatan, dapat-lah Tuan2 menjayakan majlis yang berbahagia ini. Kerjasama dan gotong royong seperti ini-lah yang di-kehendaki oleh Ugama Islam".

Beliau berharap agar-nya perpaduan dan kerjasama seperti tersebut hendak-lah menjadi amalan penduduk2 kampung tersebut pada setiap masa.

Berlebeh2 lagi, tegas Abang Razali, perhubungan rapat antara se-sama kampung atau sa-jiran yang berdekatan itu, hendak-lah selalu di-adakan, kerana itu-lah Ugama Islam menyuruh, memerintah dan menggalakkan supaya sa-saorang Islam itu suka bersembahyang berjama'ah, beramai2, berkumpul dan berhimpun bersama2 beribadat, pada waktu2 yang di-tentukan, khushuk dan tawazuk mengerjakan sembahyang, mengadap Allah yang satu, mengadap Khiblat yang satu.

PAHALA

Sa-terus-nya, dalam ucapan Abang Razali di-majlis tersebut beliau berkata, "Tuan2 juga akan sentiasa mendapat pahala, kerana dengan ada-nya Masjid ini, maka orang ramai akan berhimpun dan berkumpul untuk mengadakan sesuatu yang mendatangkan kebajikan, sama ada untuk dunia dan akhirat.

Saya juga mendapat tahu, Tuan2 yang bersembahyang Juma'at di-Masjid ini telah memajukan permohonan kapada pehak Jabatan Hal Ehwal Ugama supaya sembahyang Juma'at di-Masjid ini jangan di-kembarkan dengan Sembahyang Dzohor. Dan saya dapat tahu juga, bahawa permohonan Tuan2 itu sedang di-dalam pertimbangan pehak2 yang berkuasa. Dan kalau Tuan2 perhatikan perpaduan dan kerjasama Tuan2 selalu seperti hari ini, saya yakin Insha Allah, permohonan itu akan segera di-khabulkan.

"Saya tidak lupa, bagi pehak Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dan bagi diri saya sendiri, turut bangga dan turut sama2 merasa terhutang budi kapada pehak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang telah bermurah hati kerana menghadihkan sa-buah alat pembesar suara untuk kegunaan Masjid ini. Dan tidak lupa saya turut mengucapkan berbilang2 terima kaseh terhadap budi baik Sharikat Minyak itu yang akan di-kenang selama2-nya".

Sa-belum menyampaikan alat2 pembesar suara itu, Awang Daniels berkata bahawa beliau sukachita menyampaikan hadiah tersebut bagi

SAMBUTAN2 MAULUD: DI-DAERAH TUTONG

TUTONG. — Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan Maulud Nabi s.a.w. Daerah Tutong, sukachita menjemput Ahli2 Persatuan dan Murid2 Sekolah dalam peraduan2 yang akan di-adakan pada malam 31 Julai, 1965 bertempat di-padang Kechil Pejabat Kerajaan Tutong.

Sharat2 Memasuki Peraduan: —

Kedua2 peraduan ini akan di-adakan dalam 2 bahagian sahaja:

(a) Bahagian Ahli2 Persatuan laki2 dan perempuan; (b) Bahagian Murid2 Sekolah laki2 dan perempuan (Yang berumur 15 tahun ka-bawah sahaja).

(A) SAJAK.

Tiap2 peserta akan membaca dua buah sajak sahaja, sa-buah sajak wajib dan sa-buah sajak pilihan.

Tajok Sajak Wajib ia-lah: Muhammad Pemimpin Agong.

Tajok Sajak Pilihan ia-lah Pedoman Suchi dan Kembali-lah.

(B) SHARAHAN.

1. Tajok dan isi sharahan hendak-lah tidak terkeluar dari hal kelahiran Nabi Muhammad, s.a.w.

2. Hendak-lah di-hantar terlebih dahulu kapada Setia Usaha Sambutan Maulud Nabi s.a.w. untuk di-tapis oleh badan penapis tidak lewat dari 15 Julai, 1965.

3. Panjang Sharahan, masanya tidak lebih daripada 10 minit tiap2 sa-buah sharahan.

4. Tiap2 persatuan2 atau Sekolah2 hanya di-benarkan menghantar sa-orang wakil-nya pada tiap2 satu peraduan sama ada laki2 atau perempuan.

Borang2 permohonan itu hendak-lah di-kembalikan (sa-sudah di-isi) kapada Setia Usaha Sambutan Maulud Nabi s.a.w. Daerah Tutong tidak lewat pada 20 Julai, 1965 jam 3 petang di-alamat Pejabat Ugama Tutong.

Segala borang2 permohonan yang terlewat sampai ka-Pejabat tersebut dari tarikh yang di-tetapan tidak akan di-layani.

DI-PEKAN MUARA

MUARA. — Umat Islam di-Muara telah menyambut Maulud Nabi Muhammad, dengan mengadakan satu perarakan dan majlis perjumpaan pada pagi hari Juma'at 9 Julai.

Sambutan itu di-mulai dengan perarakan dari Masjid Setia Ali. Muara ka-Pekan Muara dan balek ka-tempat permulaan-nya.

Ramai murid2 sekolah dan penduduk2 kampung Muara telah mengambil bahagian dalam perarakan itu.

Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin yang juga hadir di-majlis tersebut, telah juga mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Sa-lepas di-adakan perarakan tersebut, para hadhirin telah berkumpul di-Masjid Setia Ali dan juga di-pekarangan Masjid itu untuk mendengarkan Bacha'an Al-Kura'an dan sharahan2.

Majlis itu di-mulai dengan ba-

chaan Al-Kura'an oleh Chegu Awang Johari bin Khamis.

Kemudian ucapan2 di-lafadzkan oleh Setia Usaha Majlis itu, Awang Mohamed Salleh bin Abdul Momin; oleh Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji. Mohd. Zain bin Haji Serudin, selaku wakil dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei; oleh Penasehat Jawatan Kuasa Masjid Setia Ali, Muara, Awang Tamit bin Haji Nudin; dan oleh Awang Ali bin Ahmad, Ahli Majlis Mashuarat Daerah bagi Kawasan Muara.

Awang Omar Ali bin Haji Mohiddin, selaku wakil ayah-nya telah memberi ucapan penutup.

Majlis itu di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Diraja Haji Abdullah.

pehak Sharikat Minyak Shell dan berharap sa-moga Kampong Tanah Jambu itu dan anak-buah-nya akan mendapat faedah dan kema'moran yang lebih di-dalam masa tahun2 yang akan datang.

PENTADBIR

Ketika beruchap mengenai pelajaran, Awang Daniels menegaskan bahawa kanak2, lelaki dan perempuan pada masa sekarang akan menjadi pentadbir negara dalam berbagai2 jurusan pada masa akan datang.

Sharikat Minyak Shell juga, katanya, ada-lah berniat untuk meneruskan lagi dasar-nya bagi menyatukan diri-nya dengan kemajuan Negeri Brunei pada masa akan datang dalam apa jurusan pun, yang boleh.

UTAMAKAN-LAH BAHASA MELAYU - BAHASA RASMI NEGERI BRUNEI

Hari Maulud Di-Raikan Untuk Menanamkan Kesedaran Dengan Semangat Waja Di-Kalangan Umat Islam Seluruh Dunia

PADA hari Ahad yang baru lalu, bersamaan dengan ET Rabi'ul awal, 1385, beribu2 umat Islam di-negeri ini yang terdiri dari pasokan2 orang2 dewasa laki2 dan perempuan dan yang paling ramai sekali kanak2 sekolah, telah keluar untuk merayakan hari kelahiran Junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w.

Tujuan utama Umat Islam seluruh dunia merayakan hari Mauludnya junjongan kita itu ialah sa-mata2 untuk menanamkan kesedaran dengan semangat waja di-kalangan umat Islam di-dunia ini supaya menurut jejak Nabi Mohammad s.a.w. mencontohi segala amalan beliau, akhlak-nya dan jiwa ke-Islaman-nya.

Islam ada-lah sa-mulia2 ugama di-sisi Allah dengan mempunyai perlembagaan yang sukar di-chari di-mana chachat-nya ia-itu kitab suci al-Kor'an.

Rasullah s.a.w telah di-kurniakan oleh Allah Ta'ala memegang dua kuasa ia-itu Ugama dan Dunia. Baginda ia-lah Nabi dan Rasul yang terakhir sekali yang telah di-utuskan oleh Allah Ta'ala kepada umat manusia seluruhnya.

Baginda-lah juga menjadi ketua pemerintahan yang memegang teraju negara Islam, punga kuasa pembuat undang2 dan melaksanakan-nya serta menjadi penglima tertinggi tentera Islam.

Landasan pemerintahan baginda waktu itu telah di-jalankan dengan jaya-nya yang terikat kepada perlembagaan yang adil dan lengkap dan perlembagaan yang tidak tolok banding-nya di-sa-panjang sejarah dunia ia-itu al-Kora'an al-Karim dan sunah Nabi (hadith-nya, amalan-nya dan pengakuan-nya).

Nabi Mohammad s.a.w. telah di-tugaskan supaya menerangkan isi perlembagaan — al-Kora'an al-Karim — ini kepada umat manusia.

Meski pun kuasa pemerintahan Islam terletak bulat2 di-tangan Rasulullah sa-bagai suatu keistiwaaan khas bagi baginda, tetapi baginda mempunyai ahli2 mashuarat yang merupakan "Jema'ah Menteri" yang terdiri daripada Saidina Abu Bakar, Saidina Omar, Saidina Osman, Saidina Ali dan sahabat2 baginda yang lain.

Sa-bagai Pejabat Besar Kerajaan dan Markas Penglima Tertinggi Tentera Islam ia-lah Masjid Rasul di-Madinah dan di-lapangan pertahanan baginda Rasulullah telah melengkapkan tentera Islam yang bertindak untuk membela diri dan mempertahankan Agama dan tanah ayer Islam.

Atas dasar perjuangan ini, baginda Rasulullah s.a.w. sendiri telah memimpin tentera-nya tegas-nya tentera Islam untuk menentang musuh di-medan perang. Peratoran dan undang2 yang tegas tentang perang dan damai telah ditetapkan.

Angkatan tentera baginda telah berjaya menghadapi apa jua bahaya yang mengancam negara Islam baik dari dalam mahupun dari luar. Bahkan telah meng-wajibkan jihad — berperang

membela Islam — atas orang2 Islam, lelaki dan perempuan ketika musuh melanggar sa-chara mengejut.

Dari sa-masa ka-sa-masa baginda mengadakan perbarisan tentera Islam untuk memperlihatkan kekuatan tentera Islam dan menggerunkan musuh, Rasulullah s.a.w. telah menjalankan berbagai2 usaha untuk memajukan negara Islam dan baginda telah mengamankan negara dan segala daerah yang telah memelok Islam, di-bersehhkan daripada perkara yang merosakkan iktikad dan merosakkan akhlak.

Hukum2 Islam telah di-jalankan dengan sa-penoh-nya dan lalu di-terangkan hukum2 membunuh orang berzina, menchuri dan lain2.

Di-lapangan pelajaran, baginda telah menerangkan kandungan al-Kora'an yang menjadi panduan hidup bagi umat Islam seluruhnya bahkan al-Kora'an telah mendatangkan faedah yang besar bagi umat manusia umum-nya. Kanak2 Islam di-didek mengaji Kora'an dan dengan jalan ini penyakit buta huruf dapat di-basmi dalam masyarakat Islam.

Dengan perantaraan hadith2-nya baginda telah menerangkan kandungan al-Kora'an dengan lebih jelas lagi. Umat Islam telah di-galakkan menampung ilmu dengan sa-banyak2-nya dan telah di-berikan kehormatan yang besar kepada 'alim ulama.

Melalui hadith2 al-Kora'an itu juga telah di-perdzukan bagi setiap umat Islam supaya menuntut ilmu walau keluar negeri di-mana sa-suatu ilmu itu hendak di-tuntut.

Demikian dengan rengkas-nya di-ruangan ini di-bentangkan titek2 kasar perjuangan Nabi Mohammad s.a.w dalam menegakkan Islam kamata dunia hingga berzaman2 lamanya.

Segala kemajuan yang telah di-usahkan baginda sa-masa hayat-nya semua-nya telah di-kembangkan oleh umat Islam turun temurun sa-hingga mereka satu persatu telah menemph kejayaan dalam segala jenis ilmu pengetahuan dan temaddun manusia.

Bersempena dengan hari Maulud Rasulullah s.a.w. ini, di-negeri kita ini dalam beberapa minggu yang lalu telah tertuboh sa-buah jawatankuasa yang bergelar "Tabong Derma Kenangan Maulud Nabi, Negeri Brunei".

Jawatankuasa ini di-tubuhkan ada-lah dengan arahan Jabatan Hal-Ehwal Ugama Negeri Brunei dan kerja2 mengutip derma tersebut telah pun berjalan sejak beberapa hari yang lalu.

Jawatankuasa ini ada-lah terdiri dari tiga orang Pegawai2 Jabatan Hal-Ehwal Ugama, ia-itu Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setia Usaha. Ahli2 jawatankuasa-nya terdiri dari Pegawai2 Daerah, Ketua Nazir Pejabat Pelajaran dan sa-orang Pegawai Kanan Pejabat Kewangan.

Tujuan kerana mengutip derma kanangan Maulud Nabi itu ada-lah terdiri dari dua faktor:

(a) Ranchangan jangka panjang, ia-itu mendirikan bangunan kekal dengan menggunakan nama "Rumah Derma Kenangan Maulud Nabi". Rumah tersebut akan di-sewakan dan hasil-nya akan di-gunakan bagi faedah yang mendatangkan kebajikan kepada orang2 Islam dlm negeri ini.

(b) Ranchangan jangka pendek, ia-itu sa-bagaimana dari kutipan derma tersebut akan di-gunakan untuk murid2 yang difikirkan layak bagi meneruskan pelajaran-nya dan melanjutkan pelajaran-nya yang lebih tinggi dengan nama "Derma Siswa Kenangan Maulud Nabi".

Chara2 kutipan derma itu di-jalankan ada-lah dengan menggunakan

penjualan lanchana besar untuk kereta dan lanchana kecil untuk persa-orangan.

Kutipan derma tersebut telah di-lakukan di-seluruh negeri dengan di-jalankan oleh murid2 sekolah Agama di-bawah awasan guru2 Agama dan mengharapakan kepada kerjasama dari ahli2 Majlis Mashuarat penghulu2 dan Ketua2 Kampung.

Menderma sambil merayakan ada-lah lebih berkesan dan hasil dari derma yang di-hulurkan itu nanti, maka berarti akan dapat menambahkan lagi jumlah pelajar2 anak bangsa kita dan akan menjadi satu pembelaan terhadap pelajar2 yang tidak berupaya mendapatkan dan meneruskan pelajaran mereka.

Hari Maulud yang mulia di-sambut dengan rasa shukor dan perasaan shukor itu hendak-lah di-buktikan dengan amalan, dengan menderma sa-kadar yang mampu kepada derma kenangan Maulud yang sedang di-lancarkan di-seluruh negeri yang bertindak sa-bagai pembela Islam pada zaman-nya.



Gambar di-atas menunjukkan kaum ibu di-Daerah Seria/Belaui telah turut sama merayakan hari keputeraan junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. bagi tahun ini.

Peraduan Sharahan

BANDAR BRUNEI — Sambutan hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. pada tahun ini bukan hanya di-adakan di-Negeri Brunei sa-chara perarakan dan selawat serta sharahan2 Maulud, tetapi juga peraduan2 sharahan yng terbuka kepada Persatuan2 Belia, Maktab2 dan Sekolah2 Menengah.

Sa-ramai 9 orang peserta termasuk 3 orang perempuan telah memasuki pemilihan awal yang telah di-langsungkan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 9 Julai yang baru lalu.

Empat orang peserta termasuk dua perempuan telah terpilih untuk memasuki peraduan peringkat akhir yang akan di-langsungkan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 24 Julai ini mulai pukul 7-30 malam.

Mereka yang akan memasuki peraduan peringkat akhir itu ialah Awangk Badaruddin bin Pengiran Haji Damit dari Persatuan Bakti; Dayang Rokiah binte Ismail dari Persatuan Ikatan Belia Berakas; Awang Metussin bin Timbang dari Persatuan 3PKA; dan, Dayang Azizah binte Ismail dari Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Peraduan tersebut di-adakan ada-lah atas anjoran Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei dengan tujuan utama-nya untuk memberi peluang kepada belia2 di-negeri

ini dalam mengasoh bakat2 mereka di-segi bersharah di-khalayak ramai.

Sa-orang juruchakap peraduan itu menyatakan bahawa dengan ada-nya peraduan itu juga akan lebih memberi faedah kepada belia2 dalam menanamkan kesedaran beragama dan menurut ajaran2 Ugama Islam yang maha suci.

SHARAHAN UGAMA
BANDAR BRUNEI—Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 23 Julai, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam:—

(a) Mulai pada pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12-30 tengah hari di-Masjid Danau, Tutong.

(b) Mulai pada pukul 2 petang hingga ka-pukul 4 petang di-Sekolah Melayu Lambak, Berakas, Brunei.

TINJAUAN DUNIA HARI INI

"GENCHATAN SENJATA DI-TANAH PAYA KUTCH"

USAHA BIJAK

Oleh: HANAFI JOFFRI

KEADAAN sejarah perhubungan antara India dan Pakistan hari ini mendapat kedudukan yang lebih baik dan kedua2 buah negara tetangga itu telah membuktikan, yang mereka samemang-nya berchita2 dan mementingkan kapada perdamaian, apabila kebijaksanaan dibuat, merintis kapada persetujuan yang di-chapai, dan di-tanda tangani, minggu pertama dalam bulan ini, atas persoalan kawasan sempadan Rann of Kutch, atau lebih di-kenal di-kalangan kita, sebagai kawasan sempadan Tanah Paya Kutch.

Dengan kebijaksanaan yang dipertunjukkan oleh kedua2 buah kerajaan India dan Pakistan itu, maka dapat-lah di-jadikan contoh, bahawa tidak ada kesulitan, atau masalah rumit yang tidak dapat di-selesaikan kecuali terdapat satu2 pihak, di-antara dua golongan yang bersangketa tidak bersedia sungoh2, untuk menyelesaikan krisis mereka. Dalam lain2 perkataan, jika golongan2 yang menghadapi persengketaan, benar2 bersedia membuat perhitungan terhadap persoalan yang menjadi sangketa, dengan pendapat yang ikhlas, tenang, bertolak ansor, dan sa-chara terbuka serta sedia berselesai, maka penyelesaian mesti di-chapai.

Persetujuan yang di-chapai antara New Delhi dan Karachi, dalam satu peristiwa yang di-buat sa-chara serentak di-kedua2 ibu Negara itu, ada-lah menunjukkan betapa besar jiwa tokoh2 negara India Perdana Menteri Lal Bahadur Shastri dan Pakistan President Ayub Khan, yang di-buktikan, sungghopon segala dorongan di-buat oleh pihak yang ke-tiga.)


Pada mula-nya, Britain yang telah menunjukkan muka, sunggho2 mahukan penyelesaian itu di-buat oleh kedua2 buah kuasa itu sendiri, seperti yang ada sekarang, telah berhasil memainkan peranan-nya. Walaupun sa-tengah2 kalangan di-Asia dan Afrika tidak lama dulu inginkan masalah sangketa sempadan Tanah Paya Kutch, di-bawa kapersidangan kemunchak negara2 Algiers baharu2 ini, tetapi soal pertikaian Tanah Paya Kutch itu, sudah pun di-selesaikan oleh New Delhi dan Karachi, belum sempat sidang kemunchak itu di-lang sngkan.

KEGENTINGAN

Masalah sangketa Tanah Paya Kutch telah meletus awal dalam tahun ini, dan menjadikan dua

masalah sempadan yang di-hadapi oleh India dan Pakistan, kerana sa-belum-nya, hanya diketahui bahawa persengketaan yang di-hadapi oleh kedua2 buah negara itu ia-lah mengenai Kashmir.

Seperti yang berlaku di-Kashmir berbelas2 tahun lama-nya, maka sangketa sempadan Tanah Paya Kutch juga mengakibatkan beberapa korban di-kedua2 belah pihak, apabila pasokan2 ronda mereka bertembong, kerana dari sejak mula-nya krisis sempadan Kutch, India dan Pakistan telah sama2 menempatkan balatenteranya berdepan2 di-sepanjang sempadan Tanah Paya Kutch itu, dan ada sa-tengah2 waktu kereta2 kebal juga di-gunakan untuk meronda.



Perdana Menteri India Tuan Lal Bahadur Shastri (kiri) dan Pemimpin Pakistan President Mohamed Ayub Khan sedang berbincang sunggho2, ketika mereka bertemu di-Majlis Makan Malam yang di-sediakan oleh Perdana Menteri British di-London baru2 ini, semasa kedua2 orang pemimpin itu berada di-United Kingdom kerana sidang Commonwealth.

Peristiwa ini ada-lah terbit dari tuntutan kedua2 New Delhi dan Karachi, ka-atas daerah itu, dan ini-lah sebab2 utama yang menyebabkan pertikaian antara kedua2 negara itu. Sa-bagaimana yang di-ketahui bahawa dari sejak India menchapai kemerdekaannya dalam tahun 1947, tidak satu pun yang berlaku, sa-lain dari pertikaian-nya dengan China, juga mengenai sempadan, dan persoalan Kashmir.

KEDUDOKAN TANAH KUTCH

Daerah Rann of Kutch letak-nya di-kawasan perbatasan antara India dengan Pakistan Barat, dan jika dilihat dari peta besar Benua India, Kutch terletak tidak jauh dari Lautan Arab.

Rengkas-nya Tanah Paya Kutch ini ada-lah kering keadaan-nya, mengandungi kawasan sa-luas kira2 3,000 batu persegi, dan dapat di-lalui ketika itu. Tetapi ada masa-nya apabila Tanah Paya Kutch itu bertakong ayer, ia-itu sa-masa ayer Lautan Arab pasang tinggi, menyusup ka-sungai2 dan anak2 sungai di-kawasan daerah Kutch itu, maka di-kala ini-lah sulit bagi mana2 pihak yang bersangketa dulu-nya, membuat gerakan di-Tanah Paya Kutch yang bertakong dengan ayer, bagaimana pun gerakan hanya dapat di-buat ketika Tanah Paya Kutch itu kering, yang menjadi perhatian di-kedua2 belah pihak terhadap persiapan masing2.

Menurut sa-tengah2 kalangan, kedudukan Tanah Paya Kutch itu sukar hendak di-tentukan, siapakah yang benar2 berhak. India menuntut Kutch itu sa-bagai hak milik India, tetapi Pakistan menyatakan, segala tanah yang letak-nya di-Utara Garis Lintang 24 itu, ada-lah milik Pakistan.

di-atasi melalui jalan damai, ia-itu melalui perundingan tanpa kekerasan, yang boleh melibatkan korban nyawa.

Persetujuan Tanah Paya Kutch ini juga, di-harapkan merupakan satu daya usaha, yang boleh di-jadikan pelopor kapada lain2 negara yang bersangketa, ka-araf terchapai-nya pula nanti persetujuan mengenai yang di-hadapi oleh mereka, sa-lama ini.

Walaupun India dan Pakistan dalam zaman ini, sama2 berlumba2 untuk membena negara yang lebih maju, dalam semua lapangan, kedua2 buah negara itu juga, dengan terchapai-nya persetujuan Kutch, berlumba2 menunjukkan kapada dunia, yang segala masalah yang rumit, dapat di-selesaikan sa-chara damai, dengan jalan tiap2 pihak mempunyai faham bertolak ansor, sedia menghadapi persoalan itu dengan fikiran tenang dan terbuka, dan sedia untuk berselesai.

PERINTIS

Sekarang semua askar2 India dan Pakistan, sudah pun di-undurkan dari kawasan2 sempadan, sesuai dengan persetujuan yang di-terima di-New Delhi dan Karachi. Tentu-nya ra'ayat di-kedua2 buah negara itu bersukor, terutama sekali mereka di-kawasan sempadan, terhadap peristiwa itu.

Masalah sempadan Tanah Paya Kutch telah selesai, kemudian ada satu lagi, ia-itu mengenai Kashmir, yang di-sangketa kan berbelas2 tahun lama-nya, di-negeri itu. Keinginan amat-lah besar supaya masalah Kashmir itu juga, lekas dapat di-selesaikan, membolehkan kedua2 buah negara itu, benar2 puleh hubungan-nya seperti sediakala.

Bagaimana pun, dengan persetujuan yang di-chapai mengenai persoalan Tanah Paya Kutch itu tadi, dengan sendiri-nya ada-lah di-harapkan dapat di-jadikan pelopor ka-araf, terchapai-nya pula nanti persetujuan mengenai masalah Kashmir.

Pada hal, apa yang di-hadapi oleh India dan Pakistan terhadap masalah Kashmir itu, tidak ada beda-nya dengan masalah di-kawasan sempadan Rann of Kutch, yang sudah pun menchapai persetujuan, baharu2 ini.

LATEHAN KETENTERAMAN AWAM

BANDAR BRUNEI — Pihak Polis akan mengadakan satu Latehan Ketenteraman Awam di-seluruh Negeri Brunei pada hari Sabtu 17 Julai dari pukul 9 pagi hingga ka-pukul 12-30 tengah hari.

Latehan tersebut akan di-lakukan oleh Anggota2 Polis sahaja.

Jadual Perlawanan Hoki

BANDAR BRUNEI — Jadual Perlawanan Hoki antara Pejabat2 Kerajaan ada-lah seperti berikut: 14 Julai: Jabatan Pelajaran "B" melawan Askar Melayu Diraja Brunei. 17 Julai: Jabatan Pelajaran "A" melawan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei. 19 Julai: Perlawanan melawan Askar Melayu Diraja Brunei.

Perlawanan2 Hoki tersebut di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei.

HARAPAN

Menurut-nya, kawasan sempadan Tanah Paya Kutch itu, telah tidak di-tentukan, sa-masa India berbahagi dua kapada Pakistan dan India yang ada sekarang, apabila terchapai-nya kemerdekaan kira 18 tahun yang lampau.

Walaupun tidak lama dulu, terbit berita2 yang menyatakan, bahawa sempadan Kutch itu sudah di-tentukan oleh kerajaan British, yang mena'loki India sa-belum kemerdekaan, tetapi segala tanda yang dapat membuktikan demikian, telah tidak di-perolehi.

Namun demikian, segala yang dipersangketaan antara kerajaan India dan Pakistan mengenai daerah itu, sudah pun di-selesaikan melalui persetujuan yang di-chapai baharu2 ini. Persetujuan ini ada-lah di-alu2kan oleh semua negara yang chintakan perdamaian. Ini juga boleh di-jadikan contoh, segala perselisihan dapat

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Pegawai Perubatan

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenuhi jawatan2 kosong sebagai Pegawai Perubatan di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan, Brunei. (Pegawai2 Perubatan Perempuan dan Pegawai2 Perubatan Lelaki di-kehendaki).

Kelayakan2:

(a) Mesti-lah pemegang degree, diploma atau lesen yang diakui serta yang membolehkan dia-nya di-daftar oleh Majlis Awam bagi Pelajaran Perubatan dan Pendaftaran di-United Kingdom, atau

(b) Mesti-lah pemegang degree lain atau pun lesen dalam jurusan perubatan dan pembelahan yang Pegawai Perubatan Negara fikir boleh, oleh kerana hal2 yang istimewa, di-anggap sebagai men-chukopi walau pun kelulusan tersebut tidak membolehkan dia-nya di-daftarkan di-United Kingdom.

Tugas2:

Bagi menjalankan kerja2 perubatan 'am termasuk perubatan, pembelahan, kerja berkaitan orang beranak, dll., sebagai yang di-kehendaki di-jalankan oleh Pegawai Perubatan Negara, dan di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei.

Pengalaman dalam satu bidang yang tertentu ada-lah satu keutamaan.

Keterangan lanjut boleh di-perolehi dari Pegawai Perubatan Negara, Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Negeri Brunei.

PEMEREKSA KIRA2

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenuhi kekosongan2 sebagai Pemeriksa Kira2 di-Jabatan Odit, Brunei.

Gaji. — Dalam tingkatan gaji \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290/EXAM/310x20 - 370 - 380/BAR/400x20 - 560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Sekolah Inggeris dan baik dalam Ilmu Hisab. Keutamaan akan di-beri kepada calon2 yang mempunyai pengetahuan dalam book-keeping dan pengalaman dalam accountancy.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuklah 6 bulan masa percutaan. Chalon2 yang terdiri dari ra'ayat

Gaji—Dalam sukatan gaji \$1020x 40 - 1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman. Alaon Pujokan, sekira-nya berhak, boleh di-bayar sebanyak M\$150 hingga M\$260 sa-bulan selain dari gaji bulanan. (M\$1 = 2s. 4d. sterling).

Tempoh Perkhidmatan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun, dan boleh di-perbaharui jika bersetuju.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada dikenakan chukai pendapatan di-Brunei.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 serta dua keping gambar (separoh ukuran pos kad) kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 31 Julai, 1965.

Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan akan di-beri jawatan tetap selepas satu tempoh percutaan.

Baksis:

Chalon2 yang di-lantek sechra berkontrek akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji mereka bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendaklah di-hantar melalui Ketua Jabatan mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 20 Julai, 1965.

Pegawai Kesehatan

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa untuk memenuhi jawatan Pegawai Kesehatan, di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei. **Kelayakan2:**

(a) Mesti-lah pemegang degree, diploma atau lesen yang diakui serta yang membolehkan dia-nya di-daftar oleh Majlis Awam bagi Pelajaran Perubatan dan Pendaftaran di-United Kingdom.

(b) Mesti-lah pemegang degree lain atau pun lesen dalam jurusan perubatan dan pembelahan yang Pegawai Perubatan Negara fikir boleh, oleh kerana hal2 yang istimewa, di-anggap sebagai men-chukopi walau pun dia-nya di-daftarkan di-United Kingdom.

Pengalaman:

Hanya calon2 yang telah mengambil kursus 'post-graduate' dalam Kesehatan Umum dan di-ingini juga mereka itu mempunyai Diploma Kesehatan Umum atau mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan Kesehatan Umum akan di-pertimbangkan.

Tugas2:

Menjalankan semua tugas2 sa-orang Pegawai Kesehatan, termasuk juga Pentadbiran Kesehatan Umum, Perkhidmatan2 Kesehatan Pelabohan dan Lapangan Terbang, Pendaftaran Perangkaan Beranak dan Mati, dan lain2.

Posmen di-Temburong, Seria dan Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenuhi jawatan Posmen dalam Jabatan Perkhidmatan Pos, Temburong, Seria dan Brunei.

(a) Pemohon2 mesti-lah berke-lulusan Darjah VII Sekolah Melayu.

(b) Berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

Gaji—Dalam sukatan gaji \$1020x 40 - 1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman. Alaon Pujokan, sekira-nya berhak, boleh di-bayar sebanyak M\$150 hingga M\$260 sa-bulan selain dari gaji bulanan. (M\$1 = 2s. 4d. sterling).

Tempoh Perkhidmatan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun, dan boleh di-perbaharui jika bersetuju.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada dikenakan chukai pendapatan di-Brunei.

Butir2 mengenai tambang, chuti dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-penohi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 serta dua keping gambar (separoh ukuran pos kad) kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 31 Julai, 1965.

Gaji—Dalam sukatan gaji E.2 F.2 - 3 - 4 - 5 - 6 \$152x3 - 158 - 160 - 180x4 - 200/211 - 220 - 230 - 240.

Kelayakan2:

Permohonan2 mestilah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 20 Julai, 1965.

Waktu2 Sembahyang, Imsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 14 Julai hingga ka-hari Selasa 20 Julai, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
14	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56	6.14
15	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56	6.14
16	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56	6.14
17	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56	6.14
18	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56	6.14
19	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56	6.14
20	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56	6.14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

SOKAN BORNEO:

34 Orang Wakil2 Brunei Ka-Kuching

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Sokan Negeri Brunei telah memilih seramai 34 orang mengandungi 23 orang lelaki dan 11 orang perempuan, untuk mewakili Negeri Brunei di-temasha Sokan Borneo yang akan di-adakan di-Kuching, Sarawak pada hari Juma'at 16 Julai dan pada hari Sabtu 17 Julai.

Awang Abdi Manaf P. H. A. Bakar telah di-lantek menjadi Pengurus Pasokan, manakala Awang Suhaili Lani akan bertugas sa-bagai Ketua Pasokan dan Raja Azlan sa-bagai Pelateh Pasokan.

Rombongan pertama akan berlepas dari Brunei ka-Kuching dengan kapal terbang pada pukul 8 pagi hari ini dan rombongan yang kedua pula akan berlepas ka-sana dengan kapal terbang pada pukul 4 petang hari ini.

Dalam perjalanan balek ka-Brunei, rombongan pertama akan berlepas dari Kuching dengan kapal terbang pada pukul 11-45

pagi hari Ahad 18 Julai. Rombongan yang kedua akan berlepas dari Kuching ka-Brunei dengan kapal terbang pada pukul 8-30 pagi hari Isnin 19 Julai.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang telah di-pilih untuk mengambil bahagian di-temasha Sokan Borneo adalah seperti berikut:

Awang Abdi Manaf, Awang Suhaili Lani, Raja Azlan, Abdullah Mustapha, Ibrahim bin Abdul Rahman, Wahid Tungkat, Akip Edin.


Sinin Metali, Ramlee Dagong, Salim Haji Salleh, Apeng Laman, Masni Md. Said, Zene Kadir, Aminah Timbang, Dayangku Rohani binte Pengiran Taiuddin.

Onn Timbang, Abdillah Zakiah, A. Sibidol, William Yeo, D. Chelliah, Boniface Yeo, Chong Siew Khyun,

Molly Buma, Lim Lai Hoh.


Suraya Salleh, Helen Sibidol, Liaw Yun Fong, Hamid Momin, Zunaidi

Hamdan, Rani Matassan, Lam Mei Yin, Mary Chong, Lim Geok Kheng dan Juliana Chua.



Tiga orang perutusan Bank Kemajuan Asia telah melawat ka-Negeri Brunei baru2 ini untuk mengadakan perbincangan dengan Pegawai2 Kerajaan Brunei berkenaan dengan penubuhan Bank Kemajuan Asia. Gambar ini di-ambil semasa ketibaan perutusan Bank tersebut di-Lapangan Terbang Brunei. Di-kanan sekali ia-lah Penasehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei Doktor J. S. Gould.

KAPAL PENGGALIAN RAKSAKSА TIBA DI-PERAYERAN BORNEO



Satu pemandangan kapal penggalian raksaksa yang telah tiba di-perayeran Borneo baru2 ini.
— Gambar dengan ehsan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

SERIA — Sa-buah alat penggalian timbol raksaksa, *Sedco 135A*, telah sampai dalam perayeran Borneo baru2 ini.

Alat tersebut dapat di-lihat dari tebing pantai di-Kuala Belait, Brunei, di-tunda di-permukaan ayer lebeh kurang 10 batu jauhnya.

Tiang penggalian-nya sedang di-pasang dan saoh-nya di-letakkan pada tempat-nya, yang mana sesudah itu ia akan di-pindahkan ka-suatu kawasan lebeh kurang lapan batu dari pantai untuk memulai tugas-nya.

Lepas itu kapal tersebut akan di-bawa ka-perayeran Sarawak

di-mana ia akan di-gunakan untuk menjalankan penyelidikan.

Alat yang berat-nya 8,000 tan itu di-tunda dari Hiroshima melalui jarak sejauh 3,200 batu dalam masa 49 hari.

Selain dari kesulitan2 umum yang harus di-hadapi dalam pe-

layaran menunda sa-buah benda yang segagah itu di-permukaan laut yang terbuka pelayaran itu juga telah mengalami tiga kali pukolan ribut kawasan hawa panas dunia (tropical storms) yang akhir-nya membesar jadi taufan.

BERSATU PADU DAN SATU TUJUAN - JALAN KA-ARAH KEMAJUAN

- Kata Y. A. M. Pengiran Shahbandar

BUNUT. — Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh berkata bahawa hanya dengan bersatu padu, dan bersatu tujuan ia-lah satu2-nya jalan ka-arrah kemajuan Kampong Bunut khas-nya dan seluroh Negeri Brunei 'am-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar telah berkata demikian sa-belum beliau merasmikan pembukaan sambutan Maulud Nabi Muhammad oleh penduduk2 di-kawasan Bunut pada petang hari Isnin 12 Julai.

Majlis itu di-adakan di-kawasan Sekolah Melayu Benda-hara Sakam, Bunut dan di-hadiri oleh ramai para jemputan dan penduduk2 di-kawasan Bunut, ia-itu mengandungi Kampong2 Bunut, Tasek Meradun, Medewa dan Telanai.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar telah menyeru kepada ibu bapa supaya menggalakkan anak2 mereka menuntut pelajaran2 ugama dan menurut ajaran Tohan dalam Al-Kura'an Alkarim, serta juga menuntut ilmu2 yang lain, bukan sahaja untuk faedah diri sendiri, bahkan untuk kemajuan negara.

Berbagai2 achara telah di-adakan di-majlis sambutan Maulud itu, antara-nya ia-lah Uchapan2 oleh Penasehat Jawatan Kuasa Sambutan itu, Yang Berhormat Awang Haji Halus bin Abdul Samad; Pengerusi Majlis itu, Awang Sahari bin Idris dan lain2-nya.

Sementara itu pada malam 11 Julai, penduduk2 di-Kampong Kilanas telah menyambut Maulud Nabi dengan mengadakan satu majlis perjumpaan di-padang Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas.

Yang Mulia Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba, telah merasmikan pembukaan majlis tersebut.

Uchapan khas mengenai Maulud Nabi telah di-perdengarkan oleh Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

MASHUARAT PEMIMPIN2 PENGAKAP

BANDAR BRUNEI. — Perkhemahan Pengakap2 Daerah Brunei pada tahun ini akan di-adakan di-Pantai Peranginan Muara selama tiga hari mulai pada 17 Disember. Pengakap2 dari luar negeri juga akan di-jemput untuk mengambil bahagian. Demikian antara-nya telah di-persejutuji dalam Mashuarat Pemimpin2 Pengakap Daerah Brunei di-Sekolah Tambahan S.M.J.A. pada pagi hari Sabtu 10 Julai, 1965.

Keputusan tersebut akan di-kemukakan dalam Majlis Mashuarat Persatuan Pengakap Daerah Brunei yang akan bersidang pada petang esok di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

Mashuarat itu juga, antara-nya telah bersetuju meluluskan satu usul yang di-kemukakan oleh Guru Pengakap Chegu Sabtu bin Muhammad yang berbunyi bahawa Majlis Pemimpin2 Pengakap Daerah Brunei yang bersidang pada hari itu mengeshor dan men-chadangkan kepada Majlis Mashuarat Pengakap Brunei supaya melantek Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei, Awang Haji Ali

Khan bin Abdul Khan menjadi Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei.

Majlis itu di-pengerusikan oleh Penolong Pesuruh Jaya Pengakap Bahagian Sekolah2 Melayu Daerah Brunei, Awang Shahbudin bin Salleh.

Turut hadir di-majlis tersebut ia-lah Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

MASHUARAT PERSATUAN PELANCHONG

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pelanchong Brunei akan mengadakan satu mashuarat di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Selasa 20 Julai, 1965 mulai pukul 9 pagi untuk membincangkan perkara2 yang bersangkutan paut dengan Rang Undang2 persatuan tersebut.

Pasokan Menteri Besar telah seri, 2 gol berbalas 2 gol, dengan Pasokan Pesuruh Jaya Pulis dalam perlawanan hoki sa-chara persahabatan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 6 Julai, 1965. Pemain2 kedua2 pasokan itu telah bermain dengan chergas sa-panjang masa. Dato Seri Paduka Marsal telah menjaringkan kedua2 gol itu bagi pehak pasokan beliau. Pasokan PJP di-ketuai oleh PJP Awang Slater. A.S.P. Carvalho dan Inspektor Thani telah menjaringkan satu gol sa-orang bagi Pasokan P.J.P. Dalam gambar ini



yang di-ambil oleh Ketua Jurugambar Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang Kamaluddin P. H. A. Bakar, kelihatan Dato Seri Paduka Marsal di-kanan sekali dan Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof di-sabelah beliau.

T.M.B. Menyaksikan Anggota2 A.M.D.B. Membaiki Rumah2 Sachara Sukarela

TEMBURONG — Sa-ramai 18 orang dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang di-tempatkan di-Daerah Temburong pada 10 Julai yang baru lalu sa-chara sukarela telah membaiki rumah2 yang telah burok keadaan-nya yang di-punyai oleh penduduk2 Kampong Belaban Baru di-Daerah Temburong.

Pasokan yang di-ketuai oleh Corporal Jaitr itu telah menawarkan diri mereka apabila mendengar Kerajaan telah memberi bantuan barang2 dan perkakas rumah seperti atap dan papan untuk membaiki rumah2 tersebut.

Tindakan yang di-ambil oleh Kerajaan untuk memberi bantuan itu ia-lah di-sebabkan kerumitan keadaan perumahan penduduk2 kampung tersebut yang kebanyakan-nya di-diami oleh kaum wanita dan kanak2.

Ini ada-lah di-sebabkan suami2 mereka dan orang2 dewasa di-kampung itu telah terlibat dalam penderhakaan bulan Disember, 1962 yang pada masa ini masih lagi dalam tahanan.

Kerja2 sukarela oleh Askar Melayu Diraja Brunei itu telah di-saksikan oleh Timbalan Menteri Besar Brunei, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Md. Daud pada pagi hari tersebut.

Di-samping bersimpati melihat keadaan penduduk2 kampung itu, beliau juga amat

kagum melihat jasa2 yang telah di-churahkan oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang bukan hanya untuk menjaga keamanan dalam negeri tetapi juga bagi penduduk2 kampung.

Di-sepanjang lawatan-nya itu, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah di-temani oleh Penolong Menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusuf bin Pengiran Mohamed Limbang, Pesuruh-haya Buroh, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim dan Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan.

SAMBUTAN MAULUD DI-SENGKURONG

SENGKURONG — Penduduk2 Mukim Sengkurong akan mengadakan sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bertempat di-Bangunan Sekolah Melayu Sengkurong, Brunei pada 17 Julai, 1965, mulai jam 7-00 malam.

Ahli2 Jawatankuasa sambutan ini dengan segala hormat-nya mempersilakan orang ramai hadir ke-majlis tersebut.

Lebih Dari 5,000 Orang Berarak

(Dari Muka 1)

24 Julai ini, sementara di-Daerah Tutong sambutan serupa akan di-adakan pada penghujung bulan Julai ini.

Keputusan peraduan perarakan di-Daerah Brunei yang di-ambil bahagian oleh 63 buah pasokan yang terdiri dari kanak2 sekolah dan orang2 dewasa ada-lah seperti berikut:

Bahagian orang2 dewasa (perempuan): 1. Maktab Perguruan Melayu Brunei; 2. Guru2 Melayu Perempuan RIF; dan 3. Kesatuan Pemuda Pemuda Kampong Sungai Kedayan.

Orang2 Dewasa (Lelaki): 1. Maktab Perguruan Melayu Brunei bahagian "C"; 2. Maktab Perguruan Melayu Brunei bahagian "B"; dan 3. Pasokan Pulis Brunei.

Orang2 dewasa bahagian kampung (Lelaki): 1. Pasokan Kampong

Bunut; 2. Kampong Pengiran Pemancha Lama; dan 3. Kampong Sungai Kedayan.

Murid2 sekolah bahagian perempuan: 1. Sekolah Ugama STPRI; 2. Sekolah Melayu Rendah SMJA; dan 3. Sekolah Ugama RIF.

Murid2 sekolah bahagian lelaki: 1. Asrama Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin; 2. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin; dan 3. Sekolah Ugama SMJA.

Bahagian pakaian bagi pasokan sekolah2 bahagian lelaki: 1. Sekolah Ugama SMJA dan 2. Sekolah Ugama STPRI bahagian perempuan.

Pasokan2 yang tidak berjaya telah juga di-beri hadiah sagu hati berupa piala perak.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shah-

bandar Sahibul Bandar, Haji Md. Salleh.

Di-upachara tersebut ucapan khas telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia, Duli Pengiran Pemancha dan Pengerusi Sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. seluroh Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin.

Sharahan2 maulud dengan melalui tiga bahasa ia-itu Bahasa Melayu, Inggeris dan Cina telah juga di-sampaikan di-upachara tersebut.

Sharahan dalam bahasa Melayu telah di-sampaikan oleh Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin; bahasa Inggeris oleh Yang Berhormat Awang Abd. Aziz bin P. U. K. Hj. Awang Umar dan bahasa Cina oleh Awang Bolhassan bin Abdullah.